

16/10/1997

Persatuan penjaja mahu berhimpun kali kedua

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKW) akan mengadakan perhimpunan kedua jika memorandum mengenai bantahan penjaja Jalan Tunku Abdul Rahman yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak dilayan.

Perhimpunan ini dijangka lebih besar berbanding bantahan kira-kira 2,000 penjaja pada 22 dan 23 September lalu apabila beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menyokong perhimpunan itu.

Yang Dipertuanya, Baharim Razak, berkata persatuan kecewa kerana sebelum dan selepas memorandum itu dihantar, DBKL tidak pernah memanggil pihaknya untuk berbincang mengenai tapak perniagaan di kawasan baru itu.

Beliau berkata, persatuan hanya diajak berunding apabila timbul masalah membabitkan pemindahan peniaga dari Jalan Tunku Abdul Rahman ke Lorong Haji Taib.

"PPPKW amat kecewa dengan tindakan kerajaan kerana tidak langsung memanggil persatuan untuk berbincang mengenai pembangunan Chow Kit sekalipun pihaknya sentiasa membuka pintu untuk perundingan.

"Kami tidak minta apa-apa, cuma empat perkara yang terkandung dalam memorandum berkenaan, antaranya perpindahan 1,800 penjaja, 400 penjaja dipindah ke Chow Kit dan bakinya ke Jalan Ipoh sebagai penempatan sementara.

"Di samping itu, projek Uda perlu selaras pembangunan penjaja dan memberi permit sementara kepada 5,000 penjaja tidak berlesen," katanya.

Beliau diminta mengulas berhubung memorandum yang dihantar ke pejabat Perdana Menteri, bulan lalu berikutan bantahan kira-kira 2,000 penjaja yang enggan berpindah ke Lorong Haji Taib.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia (PPPKM), kecewa kerana berdasarkan kajian, pemindahan penjaja ke Lorong Haji Taib tidak menguntungkan malah perniagaan mereka merosot sehingga 60 peratus.

"Persatuan tidak membantah perpindahan penjaja tetapi biarlah sesuai dengan pembangunan masyarakat dan tidak menjadi masalah kepada peniaga kecil yang berpendapatan rendah.

Mengenai larangan DBKL supaya penjaja pasar malam tidak memasak di premis masing-masing, beliau berkata larangan itu tidak praktikal kerana daripada 98 kawasan pasar malam, 30 peratus menjual makanan masak.

"Saya berpendapat larangan itu tidak sesuai kerana orang ramai lebih gemar memakan makanan yang dimasak berbanding yang telah disediakan," katanya.

Sementara itu, DBKL meminta penjaja supaya memandang positif usaha memindahkan mereka dari Jalan Tunku Abdul Rahman ke Lorong Haji Taib.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Zakaria Mohamed Lazim, berkata perpindahan itu adalah langkah permulaan mengubah imej kawasan itu.

Menurutnya, DBKL sedar imej tapak perniagaan baru itu kurang baik tapi dengan kerjasama polis, pelbagai usaha sedang dilakukan untuk membersihkan kawasan itu.

(END)